

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Wednesday, 31 May, 2017 12:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SENYUMAN PENYERI LATIHAN PENGURUSAN PELANCONGAN



31 MEI 2017 / 05 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SENYUMAN PENYERI LATIHAN PENGURUSAN PELANCONGAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Kemahiran dalam bidang operasi pelancongan seperti skil sebagai pemandu pelancong, pengurusan itinerari, pakej dan acara memerlukan latihan berterusan untuk pelajar Pengurusan Pelancongan, Pusat Pengajian Hospitaliti dan Acara (STHEM).

Industri pelancongan yang merupakan penyumbang kepada pendapatan utama negara memerlukan tenaga kerja yang mahir dalam pengendalian acara secara langsung dan perancangan supaya berada di landasan yang tepat dalam memacu industri pelancongan.

Untuk memantapkan ilmu pelancongan dan hospitaliti, penglibatan tujuh pelajar STHEM ternyata berkesan setelah menjalani latihan seharian di UUM *Welcome Centre* supaya latihan secara langsung dapat dijadikan nilai tambah kepada mereka.

Ilmu yang pertama di terima oleh mereka ialah supaya sentiasa senyum apabila menyambut tetamu daripada pelbagai kategori sama ada kecil, besar, tua, muda, jauh atau dekat.

Apa yang penting, senyuman sebagai penyeri dan senyuman itu tiada biayanya tetapi manfaatnya luar biasa. Senyuman memperkaya orang yang menerima tetapi tidak memiskinkan si pemberinya.

Menurut pelajar dari Uzbekistan, Sarvinov Akhmedova,

“The practical training done at UUM Welcome Centre gave me the chance to experience and learn how to welcome and entertain visitors.”

“I also know more on the procedures in welcoming visitors.”

Manakala Anis Sofiani Abd. Ghani menjelaskan,

“Latihan untuk melayani tetamu dan menjadi pemandu pelancong sekitar kampus kepada tetamu yang ramai dan berkumpulan telah saya pelajari di *Welcome Centre*.”

“Tempat yang cantik dan menerima layanan terbaik di sini.”

Dalam pada itu, seorang lagi pelajar dari Uzbekistan, Oygul Abdullaeva berkata,

“We met many visitors and we learnt how to make visitors feel welcome.”

“I am very thankful for the warm welcome, knowledge and experience that I get from UUM Welcome Centre.”

Turut melahirkan rasa bangga dan merakamkan terima kasih menjalani latihan untuk sesi terakhir ini , Ahmad Muizzudin Ahmad Shuhaimee, Najib Saryanto, Siti Farhana Othman dan Nurul Naziroh Azmi.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.